

CNS6208

R GB 09-08 00172 BA106

Bah

(Ulangan - memasukkan perkataan tertinggal pada nama Menteri Besar Kelantan)

Mahathir - Hubungan

SHAH ALAM, 9 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak menafikan kemungkinan kerajaan pusat dan kerajaan negeri Kelantan boleh mengadakan perhubungan yang baik.

Keadaan akan bergantung kepada reaksi masing-masing seterusnya, kata Perdana Menteri kepada pemberita ketika ditanya mengenai pertemuan beliau dengan Menteri Besar Kelantan Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat di pejabatnya pagi ini.

Pertemuan itu membolehkan mereka bertukar-tukar fikiran mengenai kemungkinan kerjasama antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri, katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Matsushita Air-Conditioning Corp Sdn Bhd, Matsushita Compressor and Motor Sdn Bhd dan upacara meletak batu asas Pusat R&D Matsushita Air-Conditioning di sini.

+Saya menegaskan bahawa kerajaan pusat tidak berniat untuk menghalang pembangunan negeri Kelantan atau menyekat perbelanjaan peruntukan di negeri Kelantan,+ katanya.

Beliau berkata mereka bagaimanapun tidak menentukan bentuk kerjasama yang boleh diadakan untuk merapatkan perhubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri itu. -- Lagi.

♥09/08/20-57MST

R GB 09-08 00144 BA105

Bah

Mahathir - Hubungan 2 Shah Alam

Ketika menjawab satu soalan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau dan Haji Nik Aziz ada menyebut perlunya dikurangkan +politiking+ dalam hubungan kerajaan pusat dengan kerajaan negeri.

Katanya, sesuatu rancangan pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan pusat di Kelantan tidak harus dijadikan isu politik oleh rakyat yang menyokong parti yang memerintah di negeri itu.

+Kalau dikatakan bahawa 'lihat walaupun kita tidak sokong kerajaan pusat kita masih dapat bantuan,' maka itu akan menimbulkan perasaan tidak senang oleh kerajaan pusat,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata beliau juga menegaskan kepada Haji Nik Aziz bahawa agama tidak sepatutnya dicampur-adukkan dengan politik.

Katanya, Haji Nik Aziz bersetuju dengan pendapatnya itu serta menyatakan bahawa beliau juga tidak begitu senang hati dengan tuduhan-tuduhan yang berkaitan dengan agama. -- Lagi.

♥09/08/20-47MST

R GB 09-08 00196 BA109

Bah

Mahathir - Hubungan 3 Shah Alam

Ketika ditanya sama ada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan yang dijadual diadakan bagi Limbongan dan Sungai Pinang boleh memberikan kesan kepada usaha mengadakan hubungan baik itu, Perdana Menteri berkata pilihan raya kecil perlu dijalankan kerana ia soal politik dan ia akan diuruskan secara biasa.

Ketika menjawab soalan lain sama ada UMNO dan PAS perlu mengadakan mesyuarah atau muzakarah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata masanya belum sampai kepada tahap itu lagi.

Pertemuan hari ini diadakan atas permintaan Haji Nik Aziz dan merupakan pertemuan rasmi pertama antara Menteri Besar itu dengan Perdana Menteri selepas pilihan raya umum lepas.

Sebelum ini mereka pernah bertemu apabila Haji Nik Aziz menghadiri majlis perasmian Jambatan Pasir Mas-Salor di Kelantan yang dilakukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir pada 30 Mei.

Di KOTA BHARU Haji Nik Abdul Aziz memberitahu pemberita bahawa Kerajaan Pusat akan menyalurkan bantuan daripada semua segi kepada kerajaan Kelantan sama dengan kepada negeri-negeri lain tanpa membabitkan politik.

Beliau berkata perkara itu antara beberapa perkara yang dibincangkan semasa kunjungan hormat beliau ke atas Datuk Seri Dr Mahathir itu. -- Lagi.

♥09/08/21-10MST

R GB 09-08 00187 BA110

Bah

Mahathir - Hubungan 4 Shah Alam

Beliau berkata beliau yakin hubungan antara kerajaan Kelantan dengan Kerajaan Pusat akan bertambah baik pada masa akan datang memandangkan suasanakemesraan yang lahir semasa pertemuan itu.

Haji Nik Abdul Aziz berkata dalam pertemuan empat mata itu Perdana Menteri juga melahirkan perasaan tidak senang dengan semangat kepartian berkaitan dengan hubungan antara Kelantan dengan Kuala Lumpur sambil meminta politik di kurangi kerana dalam sebuah negara demokrasi rakyat berhak membuat pilihan.

Menteri Besar itu juga menyatakan puas hati dengan sikap kemesraan Perdana Menteri kerana ia menepati tujuan utama pertemuan itu dalam usaha menjernihkan hubungan dan mengikis sikap salah sangka dalam hubungan antara Kelantan dengan Kerajaan Pusat.

Haji Nik Abdul Aziz juga berkata beliau telah mengemukakan beberapa senarai projek untuk dilaksanakan di Kelantan dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir melalui seorang pegawai di Jabatan Perdana Menteri.

Antaranya ialah projek membina pelabuhan Kelantan, membaiki lapangan terbang Pengkalian Chepa, pembinaan jalan pesisiran pantai menghubungkan Tumpat ke Terengganu, projek pembinaan Institut Teknologi Mar-a (TTM) dan projek pemulihan Sungai Kelantan. -- Bernama.

♥09/08/21-11MST